

VARIASI

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



www.mpkj.gov.my

majlis perbandaran kajang

aduan@mpkj.gov.my

1-800-88 6755 / 03-8737 7899



Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar (kiri) berbasikal ketika

MAJLIS PELEPASAN KAJANG CAR FREE DAY 2017



PROGRAM “JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT” PERINGKAT MPKJ

Oleh : Norehan Binti Muhamad Zahidi

Majlis Perbandaran Kajang telah menganjurkan program “Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit” dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang diadakan pada 25 April 2017 (Selasa) bertempat di Lobi Menara MPKj. Program ini dilaksanakan secara serentak seluruh Malaysia. Ia juga sebagai sokongan daripada Perpustakaan Awam Negeri Selangor bersama kerajaan bagi meningkatkan tabiat atau budaya membaca dikalangan masyarakat dan penjawat awam. Program ini merupakan langkah awal kepada membentuk masyarakat kearah minat membaca walaupun hanya sekadar 10 minit sahaja. Selain itu, kerajaan dapat melahirkan masyarakat generasi muda yang mencintai ilmu, berakhlak mulia, mentaati agama dan berkemahiran tinggi.

Setiap peserta yang mendaftar pada hari tersebut akan diberikan cenderahati istimewa berupa Novel Percuma daripada PPAS dan sijil penghargaan. Majlis telah dimeriahkan dengan pameran dan jualan buku-buku ilmiah dari Kedai Buku Mak Ali bersama dengan kaunter pendaftaran keahlian percuma oleh pihak PPAS. Program ini juga turut disertai oleh Ahli Majlis MPKj, Pengarah Jabatan dan kakitangan MPKj seramai 300 orang termasuk anak-anak Taska MPKj yang berusia 4 tahun.

En. Kamaruzaman Bin Salimin, Pengarah Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat MPKj sewaktu memberi ucapan perasmian memaklumkan, “Tahun ini penyertaan dikalangan kakitangan telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya dan kita akan menyediakan lebih banyak program berkaitan aktiviti membaca untuk tahun hadapan.” Katanya lagi, “Jom baca bersama 10 minit boleh dilakukan di mana-mana dengan membaca apa sahaja bentuk bacaan yang digemari.”

Program yang berlangsung tepat jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi ini berakhir dengan ucapan Kempen Budaya Membaca Buku daripada Ahli Majlis MPKj Zon MPP 15, Puan Norzanalila Bt Mohd Fadzil dengan bertemakan “Aisyah The Bookworm”, iaitu isteri Rasulullah SAW yang suka membaca sebagai ikon Kempen Membaca. Adalah diharapkan program ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi meningkatkan kesedaran dan minat membaca. Jangan lupa **#JomBacaBersamaUntuk10Minit** dan **#LetsReadTogether2017**.





DUSUN TUA MTB JAMBOREE 2017

Majlis Perbandaran Kajang dengan kerjasama Dusun Tua Cycling Team (DTCT) telah menganjurkan acara berbasikal bukit pada 23 April 2017 bertempat di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua (IKTBN DT). Seramai 1000 peserta dari pelbagai lapisan umur telah menyertai program tersebut. Antara beberapa kategori yang dipertandingkan adalah:

KATEGORI	UMUR	BILANGAN PESERTA
Men's Junior	14 - 18	76
Men's Open	19 - 35	300
Junior Master	36 - 45	330
Men's Master	46 & Ke Atas	144
Heavyweight 90kg	Terbuka	60
Fat Bike	Terbuka	30
Women's Open	Terbuka	50
	JUMLAH	1000

Laluan sejauh 35km mengelilingi kawasan Dusun Tua, BT14, Sg. Tekali dan berakhir di IKTBN telah berjaya menarik ramai peminat aktiviti berbasikal yang datang dari seluruh negara dan juga dari luar negara.

Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kajang, Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar telah melepaskan para peserta jamboree pada jam 8.00 pagi. Acara ini juga telah mendapat penganjuran bersama oleh Tourism Selangor, IKTBN, Twitter Bike dan CM Bike Centre. Acara ini bertujuan memupuk gaya hidup sihat dan semangat kesukanan selain mengumpul peminat sukan lasak dari seluruh negara datang ke Hulu Langat.



MPKJ KE ARAH PERSIJILAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)

Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Perbandaran Kajang



PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) BAGI DATA SISTEM INTEGRASI MPKJ DI PUSAT DATA

APA ITU ISMS?

Information Security Management System (ISMS) adalah sebahagian daripada keseluruhan sistem pengurusan berasaskan pendekatan risiko bisnes bagi mewujudkan, melaksana, mengoperasikan, memantau, menilai semula, menyelenggara dan menambah baik sistem maklumat.

OBJEKTIF ISMS adalah untuk

mengurus dan melindungi keselamatan maklumat selaras dengan keperluan dan ekspektasi stakeholder. Ia menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan.

SEJARAH ISMS?

ISMS bermula pada awal 1990an lagi di mana Department of Trade Industry, UK meminta agar British Institution Standard membangunkan standard yang boleh meningkatkan kesedaran tentang isu-isu keselamatan dan mencadangkan kawalan-kawalan bagi melindungi maklumat. ISKAS dimulai dengan pewujudan Code of Practice pada tahun 1993. Kemudiannya diikuti pula dengan pewujudan British

Standard (BS 7799-1) pada tahun 1995 sehinggalah yang terkini iaitu ISO/IEC 27001:2005 dimana ia telah dijadikan standard Malaysia pada tahun 2007 iaitu MS ISO/IEC 27001.


MENGAPA PERLU ISMS?

Ancaman siber kini dilihat semakin sukar untuk diramal dan mencabar. Jika dahulu penceroboh mengambil masa agak panjang untuk menggodam aset ICT, tetapi kini dengan bantuan 'hacking tools' yang boleh didapati di Internet, aktiviti tersebut dapat dilakukan dengan mudah dan pantas. Oleh yang demikian, setiap agensi harus peka dengan situasi ini. Statistik insiden keselamatan akan terus meningkat sekiranya setiap agensi tidak memandang serius atau gagal mengambil tindakan pengukuhan. Rentetan daripada itu pada 24 Feb 2010, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya kesemua agensi Critical National Information Infrastructure (CNII) melaksanakan pengurusan sistem keselamatan maklumat mengikut MS ISO/IEC 27001 dan memperolehi Pensijilan ISMS di dalam tempoh 3 tahun.

KESIMPULAN

ISMS diharap akan membawa Majlis Perbandaran Kajang ke arah mewujudkan sistem penyampaian yang bukan sahaja memenuhi tuntutan dan kepuasan pelanggan serta mematuhi peraturan semasa tetapi membolehkan sistem penyampaian beroperasi dalam keadaan baik, selamat dan terkawal. ISMS juga menyediakan tanda aras (benchmark) tahap pengurusan keselamatan kerajaan berasaskan standard universal. ISMS akan memantapkan lagi perlindungan ke atas maklumat dan aset ICT berasaskan prinsip kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan.

VIRUS WANNACRY RANSOMWARE TAKTIK PEMERASAN CYBER



BAGAIMANA RANSOMWARE MENJADI BAHAYA

1

"WANNACRY RANSOMWARE" bermula dengan e-mel yang tidak dikenali, kebiasaannya e-mel yang mengelirukan pengguna sehingga pengguna terpedaya dan akan membuka "attachment" atau melawat link laman web yang tidak berkaitan.



2

"WANNACRY RANSOMWARE" bergerak melalui sistem operasi dan menolak spam serta membentuk kod "RANSOMWARE"

3

"WANNACRY RANSOMWARE" akan mengenkripsi fail-fail yang penting dan akan meminta pembayaran melalui Digital Bitcoin. Anggaran bayaran bagi satu fail adalah 1 Bitcoin bersamaan RM 7.766.21 untuk mendapatkan semula fail tersebut.



4

"WANNACRY RANSOMWARE" boleh merebak melalui rangkaian sekiranya tidak dicegah dari awal.

CARA-CARA MENEGAH VIRUS

"WANNACRY RANSOMWARE"

- Untuk pengguna windows, sila kemaskini secepat mungkin windows anda. Sekiranya windows adalah versi "private" dan tidak boleh dikemaskini, komputer anda berisiko tinggi untuk diserang virus ini.
- Elak dari menggunakan "public" sama ada di hotel, kafe atau di mana-mana lokasi anda berada. Sila lakukan "backup data" anda sekerap yang mungkin menerusi "online share folder" seperti Google Drive atau Dropbox dan simpan satu salinan "backup" di dalam "hard disk" (offline).
- Pastikan anda menggunakan antivirus di dalam komputer dan sentiasa mengemaskini antivirus tersebut.
- Jangan klik link dari e-mel yang tidak dikenali. Berhati-hati juga bila membuka "attachment" di dalam e-mel yang ada mengandungi fail "tasksche.exe".
- Dilarang melakukan sebarang transaksi dalam talian seperti di bawah:-
 - Transaksi Online (Cimb Clicks, Maybank2U, RHB Now dan lain-lain). Sila memilih untuk pergi ke ATM atau "comdirect".
 - Elakkan pembelian dalam talian (Lazada, Zalora, Shoppu, Carousell, McDonald, KFC Delivery, Pizza Hut Delivery dan lain-lain).



KADAR SEWAAN POKOK HIASAN

Oleh : Faizol Bin Hatzri

KADAR BAHARU SEWAAN POKOK HIASAN, KAWASAN LAPANG DAN KEMUDAHAN KELOLAAN JABATAN LANDSKAP & REKREASI 2017

Berlandaskan Teras Strategik 4 - Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran Berkualiti (Mempertingkatkan kualiti pengurusan kemudahan rekreasi dan Penyelenggaraan Landskap), kadar sewaan baru ini telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil.9/2016 pada 27/09/2016 dan telah disahkan di dalam Mesyuarat Penuh MPKj Bil.10/2016 pada 26/10/2016. Kadar baru ini telah berkuatkuasa bermula pada Januari 2017. Senarai kadar sewaan adalah seperti di Lampiran

BIL	JENIS SEWAAN	KADAR SEWAAN (RM)	CAGARAN (RM)
1.	Padang Bolasepak	400.00/hari	500.00
2.	Pentas Utama / Plaza	350.00/hari	500.00
3.	Kawasan Lapang Berumput	250.00/hari	500.00
4.	Kawasan Sekitar Taman Permainan	200.00/hari	500.00
5.	Tempat Letak Kenderaan	200.00/hari	500.00

KADAR SEWAAN LAIN-LAIN KAWASAN LAPANG/KEMUDAHAN/ PADANG DI BAWAH KAWALAN JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI, MPKj

BIL	JENIS SEWAAN	KADAR SEWAAN (RM)	CAGARAN (RM)
1.	Kawasan Lapang / Padang*	100.00/hari	500.00
2.	Kawasan Gelanggang / Permainan	100.00/hari	500.00

*Bagi sewaan Padang Stadium Kajang, Padang Kompleks Sukan Seksyen 15 Bandar Baru Bangi dan Padang Awam Semenyih adalah di bawah kawalan Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Khidmat Pengurusan, MPKj. Sebarang pertanyaan dan permohonan sewaan bagi ketiga-tiga padang ini hendaklah melalui Bahagian Pentadbiran Am.

KADAR SEWAAN POKOK HIASAN

KATEGORI : NGO / SWASTA / INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

BIL	JENIS PENTAS	JENIS PAKEJ	KADAR SEWAAN (RM)	CAGARAN (RM)
1.	Pentas Platform	A	150.00	200.00
		B	200.00	200.00
		C	250.00	200.00
2.	Pentas Dewan	A	200.00	200.00
		B	250.00	200.00
		C	300.00	200.00

BIL	JENIS HIASAN	KADAR SEWAAN		
		Pasu Kecil	Pasu Sedang	Pasu Besar
1.	Tiang - tiang Khemah	-	3.00	5.00
2.	Sudut Selain Pentas	2.00	3.00	5.00

KATEGORI : SEKOLAH / INSTITUT PENDIDIKAN AWAM / BADAN BERKANUN

BIL	JENIS PENTAS	JENIS PAKEJ	KADAR SEWAAN (RM)	CAGARAN (RM)
1.	Pentas Platform	A	100.00	200.00
		B	150.00	200.00
		C	200.00	200.00
2.	Pentas Dewan	A	150.00	200.00
		B	200.00	200.00
		C	250.00	200.00

BIL	JENIS HIASAN	KADAR SEWAAN		
		Pasu Kecil	Pasu Sedang	Pasu Besar
1.	Tiang - tiang Khemah	-	2.50	4.00
2.	Sudut Selain Pentas	1.50	2.50	4.00

RIVER CARE 2017

Oleh : Low Kar Yong

Majlis Perbandaran Kajang dengan kerjasama Ahli Majlis dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua telah menganjurkan Program LA21 - Program River Care 2017 pada 15hb April 2017 bertempat di Kolam Air Panas Dusun Tua, Hulu Langat. Program ini bertujuan memupuk semangat cintai alam semula jadi dan kepentingan tanggungjawab bersama memelihara alam sekitar.

Program River Care 2017 telah dirasmikan oleh Encik Mohamad Jan Bin Sulong (Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang). Selepas acara perasmian,

kesemua peserta program melontar 'Mud Ball' ke dalam sungai sebagai upacara simbolik perasmian.

Seramai 150 peserta telah menyertai program ini. Antara aktiviti yang dijalankan semasa program ini termasuk Penanaman Pokok, Gotong royong sekitar sungai dan Pemasangan papan tanda. Antara agensi yang turut serta dalam program River Care 2017 ini adalah Pejabat Penghulu, Syarikat Sri Gunung Sdn Bhd dan masyarakat setempat.



AKTIVITI AHLI MAJLIS BULAN APRIL

Zon
1



Program Gotong-royong Ayuh Cegah AEDES
Taman Titiwangsa - 15. April. 2017

Zon
2



Pertandingan Bolasepak Padang 11 Sebelah Anjuran
Ahli Majlis Zon 2 dengan Kerjasama PEBT Zon 2 - 1-2 April 2017

Zon
7



Gotong-royong Kawasan Banjir
22 April 2017

Zon
10



Pesta Balakong Run 2016
23 April 2017

Zon
15



Program Aisyah The Bookworm
25 April 2017

Zon
16



Program Jom Baca 10 Minit Bersama Mpp Zon 16
25 April 2017

Zon
20



Gotong - Royong
03 April 2017

Zon
23



Kajohanan Tenpin Bowling Sbv
2 April 2017

Zon
24



Dari Masjid Ku Menjelajah
16 April - 14 Mei 2017

AKTIVITI AHLI MAJLIS BULAN MEI

Zon
7



Mini Karnival Masjid Taman Rakah 2017
20 - 21 Mei 2017

Zon
10



Gotong Royong & Senamrobik Pagi
14 Mei 2017

Zon
7



Karnival Kesihatan Dan Rawatan Sunnah 2017
14 Mei 2017

Zon
15



Program Basmi Aedes
21 Mei 2017

Zon
23



Hari Keluarga Persatuan Penduduk Puspasari Jalan 3/6
14 Mei 2017

Zon
8



Pertandingan Bolasepak Bawah 12 Tahun (Soccerkids)
6 Mei 2017

Zon
5



Ceramah Israk Mikraj
15 Mei 2017

Zon
24



Lawatan Ke Kilang Biskut Rayo
10 Mei 2017

PEKERJA TERBAIK BULANAN



APRIL 2017

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	HAZARINA BINTI ALI AZIZ	PEMBANTU TADBIR	KHIDMAT PENGURUSAN
2.	MUHAMMAD AZRI BIN AZIZAN	PENOLONG JURUTERA	KEJURUTERAAN
3.	MOHD NORHAFIZ BIN MAZLAN	PENOLONG AKAUNTAN	PERBENDAHARAAN
4.	NAZIRAH BINTI HAJI ABDUL RAHIM	PEN. PEG. PERANCANG BANDAR DAN DESA	PERANCANGAN PEMBANGUNAN
5.	ZURINAWATI BINTI ABDULLAH	PEMBANTU TADBIR	KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
6.	MOHD MAHFUDZAN BIN MOHD YUNUS	PEMBANTU PENILAIAN	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
7.	MARWAN HAMEDI BIN MAT JUNUS @ DARWIS	PEMBANTU TADBIR	UNDANG-UNDANG
8.	MOHD YUSRI BIN NAIP	PENOLONG PEGAWAI SENIBINA	KAWALAN BANGUNAN
9.	ANNALAICHIMY A/P MUNUSAMY	PEKERJA AWAM (KUP)	LANDSKAP DAN REKREASI
10.	MUHAMAD KHAIRUL AZMAN BIN ISHARUDIN	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	PELESENAN DAN PENJAJA
11.	LOUIS ANAK MINGGU	PEN. PEG. KESIHATAN PERSEKITARAN	PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM
12.	MUHAMAD NUR AMIRUL AKMAL BIN SAMSUDDIN	PEMBANTU TADBIR	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
13.	NUR ANIS BINTI MOHD FUAN	PENOLONG JURUAUDIT	UNIT AUDIT DALAM
14.	NURUL HAIDA BINTI MOHD MUSTAPA	PEMBANTU PENGUATKUASA (KANAN)	PENGUATKUASAAN



MEI 2017

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	MUGUNTHAN A/L SUKUMARAN	PEN. PEG. TEKNOLOGI MAKLUMAT	KHIDMAT PENGURUSAN
2.	NASARUDDIN BIN MUHAMMAD	PENOLONG JURUTERA	KEJURUTERAAN
3.	AHMAD IZWAN BIN MOHD NASIR	PEMBANTU TADBIR	PERBENDAHARAAN
4.	NURUL HASHIMA BINTI HAIRONI	PEN. PEG. PERANCANG BANDAR DAN DESA (KANAN)	PERANCANGAN PEMBANGUNAN
5.	SHAHRUL NIZAM BIN HUSSIAN	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
6.	MOHAMAD HANIF BIN MOHAMAD RADZI	PEMBANTU AWAM	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
7.	NUR AMEERAH BINTI ZAINAL ABIDIN	PEMBANTU TADBIR	UNDANG-UNDANG
8.	MOHAMAD SYAFIE BIN AHMAD	PEMBANTU TADBIR	KAWALAN BANGUNAN
9.	MOHAMAD AIDIL BIN MOHAMAD SHUKERY	PENOLONG ARKITEK LANDSKAP	LANDSKAP DAN REKREASI
10.	MOHD ZAMBIAH BIN BUANG	PEMANDU (KUP)	PELESENAN DAN PENJAJA
11.	MOHD YAZID BIN A.RAZAK	PEN. PEG. KESIHATAN PERSEKITARAN	PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM
12.	MUHAMMAD ZULHILMI BIN JAFARI @ ADNAN	PEMANDU	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
13.	IBRIZAH BINTI MD NOR @ IBRAHIM	PEMBANTU TADBIR	JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
14.	NUR ANIS BINTI MOHD FUAN	PENOLONG JURUAUDIT	UNIT AUDIT DALAM
15.	AHMAD NAZIRUL MUBIN BIN ROSLAN	PEMBANTU TADBIR	PENGUATKUASAAN

SEPROGRAM '4 K 4 U' SEMPENA SAMBUTAN 20 TAHUN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Oleh : Muhammad Nazir Bin Awang @ Abdul Rahman



Tarikh : **13 Mei 2017 (SABTU)**
Masa : **7.30 Pagi - 1.00 Petang**
Tempat : **Pangsapuri Suakasih, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras**
Disempurnakan Oleh : **Tuan Mohd Sayuthi bin Bakar (Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang)**

Program '4 K 4U' adalah singkatan daripada Kesihatan, Kebersihan, Kitar Semula dan Komuniti untuk masyarakat di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Pelaksanaan ini adalah dengan kerjasama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) MPKj dengan Jawatankuasa Penduduk Pangsapuri Suakasih, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras.

OBJEKTIF '4 K 4 U' INI IALAH UNTUK :-

1. Mewujudkan kerjasama yang jitu dan hubungan erat di antara Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), masyarakat dengan MPKj.
2. Mengukuhkan kerjasama dan koordinasi pelbagai agensi terlibat bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman terhadap kebersihan, kesihatan, kitar semula dan komuniti.
3. Menanam kesedaran mengenai amalan gaya hidup sihat dikalangan komuniti walau di mana mereka berada.

PENGISIAN '4 K 4 U' :-

1. Pertandingan Pencarian Jentik-jentik
2. Pertandingan Mewarna
3. Teknik Jahitan dari Persatuan Jahitan Apple
4. Pameran Kesihatan
5. Taklimat Pengurusan Bersama dari Unit Pesuruhjaya Bangunan
6. Pameran Rumah SelangorKu

LAWATAN SAMBIL BELAJAR AMALAN 5S MPKJ KE KERETAPI TANAH MELAYU

Oleh : Mohd Khirwan Bin Abdullah

Pada 4hb. April 2017 telah diadakan satu lawatan sambil belajar ke Keretapi Tanah Melayu Berhad, Kuala Lumpur. Lawatan tersebut telah disertai oleh kira-kira 25 orang yang terdiri daripada koordinator, ketua jawatankuasa dan ketua-ketua zon. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi informasi berkenaan pelaksanaan amalan 5S di KTMB, disamping bertukar-tukar pandangan dan idea untuk penambahbaikan antara kedua-kedua Jabatan.



SEMINAR “GREEN YOUR DAY” DAN KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR DAN PENYERAHAN SURAT TAWARAN PENGANJURAN RAMADHAN SERTA LANJUTAN TAWARAN PENGANJURAN PASAR MALAM, PASAR SIANG, PASAR TANI DAN BAZAR MALAM BAGI TAHUN 2017 BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Oleh : Muhammad Abdul Muhaimin Bin Salleh

pada 6hb April 2017 telah berlangsungnya seminar “Green Your Day” dan kempen kesedaran alam sekitar dan penyerahan surat tawaran penganjur Ramadhan serta lanjutan tawaran penganjur pasar malam, pasar siang, pasar tani dan bazar malam bagi tahun 2017 bersama Majlis Perbandaran Kajang. Seminar bermula dari jam 8.00 pagi hingga jam 1.00 tengahari ini telah berlangsung di Hotel Puri Pujanggan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Seminar ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada warga Majlis Perbandaran Kajang sekaligus merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Selangor mengenai isu alam sekitar yang menitik beratkan hal-hal Kitar Semula, Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polisterina. Kempen Hari Tanpa Beg Plastik ini telah berjalan secara berperingkat dan dijayakan pada setiap hari sabtu yang mana kesedaran tersebut telah dikuatkuasakan mulai Januari 2017 sebagai Hari Tanpa Beg Plastik. Majlis Perbandaran Kajang telah



mengambil beberapa langkah positif bermula tahun tahun 2016 sehingga kini dengan memberi pendedahan secara langsung kepada warga Majlis.

Seminar pada kali ini menjemput agensi luar iaitu daripada SIRIM, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat, Syarikat FEP Management And Consultancy dan Kitchen Technology Sdn. Bhd. bagi memberi pendedahan dan maklumat berkaitan produk yang digunakan dan memberi kesedaran serta menanam rasa tanggungjawab dikalangan masyarakat untuk bertindak mengambil bahagian bagi menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama. Pada hari ini bersempena penyerahan Surat Tawaran Setuju Terima kepada penaja, Majlis Perbandaran Kajang turut memberi penambahbaikan dari segi kebersihan, penguatkuasaan dan kelestarian penaja.

HULU LANGAT TRAIL RUN 2017



Hulu Langat memang tidak asing lagi bagi penganjur aktiviti berbentuk sukan lasak yang telah menarik lebih ramai pelancong khususnya ke Negeri Selangor serta dapat menjadi sebagai satu platform bagi orang ramai menjalinkan hubungan sosial dalam melakukan aktiviti berfaedah. Hulu Langat Trail Run 2017 ini telah berlangsung dengan jayanya pada 2hb April 2017 bersempena sambutan ulangtahun ke-20 tahun MPKj dan telah merekodkan sebanyak 3200 penyertaan dari dalam dan luar negara. Program ini dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Kajang dengan kerjasama Persatuan Kembara Negara dan sokongan oleh Tourism Selangor, World Of Sport, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara dan Kembara Events Solution.

Acara bagi jarak 10km dan 17km yang dipertandingkan adalah untuk kategori Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Terbuka Veteran Lelaki dan Wanita. Dengan semangat

kesukanan yang ditunjukkan oleh peserta-peserta yang berbilang bangsa serta dari berbagai negara ini, diharapkan aktiviti sukan seperti ini dapat dianjurkan setiap tahun selain dapat mempromosikan kawasan Hulu Langat ke serata dunia.

Objektif program ini adalah bagi mendedahkan aktiviti gaya hidup sihat melalui acara 'Outdoor Sports' yang berkonsep "Malaysia Cergas" disamping menjadikan acara ini sebagai salah satu acara kalender yang dapat meningkatkan jumlah pelancong dari dalam dan luar negara. Setinggi-tinggi ucapan tahniah juga diberikan kepada pihak penganjur dan penglibatan semua pihak yang sentiasa memastikan acara ini berjalan dengan baik dan jayanya.





**PROGRAM PEMERIKSAAN KESIHATAN
KANAK-KANAK TASKA MPKJ
13 APRIL 2017
MINI TEATER, MENARA MPKJ**



**RIVER CARE 2017
15 APRIL 2017
KOLAM AIR PANAS DUSUN TUA**



**BENKEL PENGURUSAN RISIKO
11 - 13 MEI 2017
BEST WESTERN I-CITY
SHAH ALAM**



AKTIVITI PROGRAM

*Keep all special thoughts and memories for lifetimes to come. Share these keepsakes with others to inspire hope and build from the past which can bridge to the future.
Mattie Stepanek*




**TAKLIMAT ADUAN WAZE
25 APRIL 2017
BILIK MESYUARAT CEMPAKA
PUTIH 1, MENARA MPKJ**



**MAJLIS PELANCARAN WIFI
SMART SELANGOR DUN KAJANG
24 MEI 2017
TAMAN SEPAKAT INDAH SG. CHUA**



**LAWATAN TASKA MPKJ KE
MENARA KUALA LUMPUR
25 MEI 2017
DATARAN STADIUM KAJANG**

KEMUKAKAN LAPORAN ATAU ADUAN INTEGRITI KE UNIT INTEGRITI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



NO TELEFON
03-8737 7899
NO GAMBUNGAN
7049 / 7153



NO FAKS
03-8737 7897



EMAIL
aduanintegriti@mpkj.gov.my



SELANGOR-INTERNATIONAL
BUSINESS SUMMIT 2017



SELANGOR SMART CITY
& FUTURE COMMERCE
CONVENTION 2017



SELANGOR-ASEAN
BUSINESS CONFERENCE 2017



SELANGOR
INTERNATIONAL
EXPO 2017
PROMOTE YOUR BUSINESS

7-17 September

Setia City Convention Centre (SCCC)



Register now and discover
a world of opportunities.

www.selangorsummit.com



[selangorsummit](https://www.facebook.com/selangorsummit)

#Selangorsummit

Sidang REDAKSI & JAWATANKUASA WEB

PENAUNG

Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar S.M.S

PENASIHAT

Datuk Nizam Bin Sahari D.P.S.M

KETUA PENGARANG

En. Kamaruzaman Bin Salimin A.I.S., P.P.T

PEN. KETUA PENGARANG

En. Rajani Bin Rajimin

SETIAUSAHA

En. Muqni Mubarak Bin Anwar Mubarak

PEN. SETIAUSAHA

En. Mohd Khirwan Bin Abdullah

PENGARANG

Pn. Norehan Bt. Muhamad Zahidi

Pn. Suzianaliza Bt. Mohd Yunus

En. Mohd Norhazeman Bin Md Noh

Cik. Norzilawati Bt. Ismail

Pn. Subeha Bt. Mohd Saleh

Pn. Jamilah Bt. Osman

En. Awang Ali Bin Awang Sahari

En. Mohamad Razali Bin Kamaruddin

En. Muhammad Nazir Bin Awang @ Abdul

Rahman

Pn. Nurul Farhanah Bt. Othman

En. Muhammad Khairul Hafizi Bin Osman

En. Azri Bin Amir

En. Faizol Bin Hatzri

En. Muhammad Izzat Bin Kamaruddin

En. Mohd Fazli Bin Idris

En. Khairul Naeim Bin Mohamed

Pn. Zetyafzan Rais Binti Mohamad

JURUGAMBAR

En. Mohamad Zawawi Bin Baharon

En. Khairul Nizam Bin Hijad Ali

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat & Pembangunan

Masyarakat

Majlis Perbandaran Kajang

Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,

Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang,

Selangor Darul Ehsan

Telefon : 03 8737 7899

Hotline Aduan : 1 800 88 6755

Faks : 03 8733 5743

Email : aduan@mpkj.gov.my